

HUBUNGI KUAUO KUALA LANGAT. SEPANG:  
NURUL FIRDAUS KHAIRO - 019-6680920/ 019-3371066

Mural yang dilukis berkonsepkan bunga dan alat muzik.

**OUR school**

**SK SUNGAI KELAMBU**

ASWARA  
MALAYSIA



## 'Bak irama dan lagu'

Mural dilukis sempena kenang jasa guru harumkan nama SK Sungai Kelambu

KUALA LANGAT

Sempena memperingati jas seorang guru, Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Kelambu menghasilkan mural berkonsepkan bunga dan alat muzik di Blok C sekolah berkenaan.

Guru Besar, Rozanah Abd Razak berkata, mural itu dilukis sempena mengenang jasa Mohd Asri Sulaiman yang merupakan tenaga pengajar kepada pasukan rekorder sekolah yang berjaya mengharumkan nama sekolah itu ke peringkat negeri dalam Pertandingan Assemble Sekolah Rendah Tahun 14.

Bercerita mengenai maksud tersirat di sebalik mural berkenaan, Rozanah berkata bunga dan alat muzik rekorder yang dilukis itu diumpamakan seperti irama dan lagu.

"Bak kata pepatah irama dan lagu tak dapat dipisahkan, begitu juga dengan gambar-gambar berkenaan."

"Ia harmoni saling melengkapi... dan hasil paduan warna itu bukan saja melahirkan warna-warna baru sebagai ekspresi seni tetapi turut melambangkan pembelajaran abad ke 21 yang memerlukan sumur pihak berinovasi agar dapat lahirkan anak-anak didik berwawasan," katanya.

### Jadi tarikan pengunjung

Menurutnya, mural itu berjaya direalisasikan hasil idea dan kerjasama guru-guru dibantu oleh pelajar Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara).

Rozanah berkata, kelainan mural berkenaan jadi tarikan



kepada pengunjung setiap kali tiba di sekolah itu untuk mengetahui maksud tersirat.

"Jadi bila ade yang tanya, kami akan jawablah... ramai juga kata kami kreatif hasilkan mural yang berbeza. Paling seronok bila ada guru kami yang merakamkan mural itu dan hantarkan perpaduan GPS Bestari kategori mural paling kreatif dan kami dapat lima terbaik pula tu... memang rezeki kamalah," katanya.

### Pencapaian terbesar

Sementara itu, Pengurus Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah itu, Ramdzan Sajat berkata, dia yang sudah memegang jawatan pengurus PIBG sejak 2012 mengaku menjadi top 5 dalam kategori mural paling kreatif Anugerah GPS Bestari itu antara pencapaian terbesar yang pernah dicapai sekolah.

"Saya pun tak sangka dua penyertaan dalam Anugerah GPS Bestari yang disertai sekolah ini termasuk satu lagi kategori Kelas Paling Ceria juga dapat tempat sebagai lima terbaik."

"Sekarang kita dah bulitikan, sekolah yang berada di pedalaman juga boleh raih apa saja pencapaian," katanya.

Ramdzan berkata, dia berharap sekolah itu bakal bergelar johan lebih-lebih lagi pertandingan itu menawarkan hadiah yang lumayan.

"Jika jadi johan sudah tentu ia jadi penyuntik semangat kepada kami. Dan kami anggap ia sebagai platform membawa nama sekolah ini pada mata umum," katanya.



RAMDZAN

**Nak Jadi Super Hebat?**  
**JOM CHILLEX TALK**

**BERSAMA HM TUAH ISKANDAR al-Hai**

**MOTIVATOR YANG MENCATAT NAMA DALAM MALAYSIA BOOK OF RECORDS - BITAQAH YAUMIYAH**

**YURAN PENYERTAAN  
RM 200 PERCUMA\***

Untuk Pendaftaran 013 3331502

**17 DISEMBER 2016 (SABTU)  
9.00 PAGI - 4.00 PETANG**

**PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA,  
JALAN KELAB GOLF 13/6,  
SEKSYEN 13, SHAH ALAM.**

**\*ANDA CUMA PERLU BAWA  
1 JUDUL BUKU DI BAWAH**



Dengan Kerjasama Anjuran Rakan Media

Karya Bestari Sdn Bhd @KaryaBestari @karya.bestari www.karyabestari.karangkraf.com

PFAS

3E

Sinar